

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2019

MUKA SURAT: 06

Kualiti udara makin pulih, IPU sederhana hampir seluruh negara

Kuala Lumpur: Orang ramai kembali menikmati aktiviti riadah di luar bangunan, semalam, berikutan kualiti udara yang semakin pulih sejak kelmarin, selepas lebih dua minggu negara dilanda jerebu.

Cuaca cerah sejak semalam, mendorong netizen memuat naik pelbagai ciapan mengenai perkembangan baik kualiti udara yang kini mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana di hampir semua kawasan di seluruh negara.

Ada antara mereka memuat naik gambar pemandangan langit yang cerah dengan jarak penglihatan semakin jelas dari pelbagai lokasi di seluruh negara, yang sebelum ini terjejas akibat jerebu.

Pengguna Twitter, @hadigon-naslim menerusi ciapnya berkata: "Alhamdulillah, jerebu dah balik (hilang), awan yang cerah dah kembali, syukur Ya Allah #haze."

Pengguna Twitter, @over_you_heart memuat naik gambar pemandangan langit cerah dengan: "Alhamdulillah jerebu dah hilang. Finally nampak awan.. i missed you awan.."

Sementara itu, tinjauan pemandangan dari Wisma BER-NAMA mendapati Menara Kuala Lumpur dan Menara Berkembar PETRONAS sudah jelas kelihatan berbanding beberapa hari lalu.

Sejak dua minggu lalu, negara dilanda jerebu menyebabkan beberapa lokasi mencatat kualiti udara sangat tidak sihat, malah di Sri Aman merekodkan bacaan IPU lebih 400 pada Jumaat lalu.

Berikutan bacaan IPU di kebanyakan kawasan pernah mencecah bacaan lebih 200 atau sangat tidak sihat, ribuan sekolah di negeri terjejas ditutup, manakala pelbagai program sukan dan rekreasi termasuk program FitMalaysia Edisi Melaka anjuran Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dibatalkan.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan keadaan jerebu yang melanda negara sejak dua minggu lalu akan berransur pulih susulan fasa monsun peralihan yang bermula kelmarin.

Perkembangan baik itu turut didorong dengan keberkesanan operasi pembenihan awan dilaksanakan di beberapa negeri, termasuk Sarawak, Selangor, Perak dan Pulau Pinang pada minggu lalu.

Sementara itu, sehingga jam 8 malam tadi, hanya Johan Setia, Selangor, yang masih berada pada tahap tidak sihat dengan bacaan 137.

+